

Rujukan Kami : UTM.J.17.03.04.01/10.12/22 ( 22 )

Tarikh : 14 April 2022

## **NOTIS KEPADA PELAJAR BIL. 2/2022**

### **Semua Pelajar**

Universiti Teknologi Malaysia

81310 Johor Bahru

Johor

*Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,*

### **PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAHAGIAN 2, SEMESTER 2 SESI 2021/2022**

Berikut merupakan garis panduan bagi urusan penginapan kolej kediaman pelajar untuk sesi akademik Bahagian 2, Semester 2 Sesi 2021/2022 bermula 7 Mei 2022 hingga 30 Julai 2022. Dengan penguatkuasaan Notis kepada Pelajar Bil. 2/2022 ini, maka **Notis kepada Pelajar Bil. 1/2022** bertarikh 7 Mac 2022 adalah terbatal.

#### **1.0 URUSAN PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR BAHAGIAN 2, SEMESTER 2 SESI 2021/2022 BERMULA PADA 7 MEI 2022 SEHINGGA 30 JULAI 2022**

Proses permohonan kolej kediaman pelajar adalah seperti berikut:

##### **1.1 PENEMPATAN PELAJAR DI KOLEJ KEDIAMAN**

Pelajar UTM akan ditempatkan di kolej kediaman seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>JENIS PELAJAR</b>	<b>TEMPATAN</b>	<b>ANTARABANGSA</b>
<b>1.</b>	<b>Prasiswazah</b>	Tinggal dalam kampus	Tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman yang dikhususkan
<b>2.</b>	<b>Pascasiswazah</b>	Tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman yang dikhususkan	

## 1.2 PROSES PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR PRASISWAZAH TEMPATAN

- 1.2.1 Pemohon merupakan pelajar Universiti Teknologi Malaysia dan masih berstatus aktif.
- 1.2.2 Pelajar masih belum mendaftar di mana-mana kolej kediaman. Pelajar yang telah mendaftar di mana-mana kolej kediaman **tidak dibenarkan membuat permohonan melalui sistem hostel.**
- 1.2.3 Membuat permohonan atas talian iaitu melalui sistem hostel di pautan **<http://hostel.utm.my>** yang boleh dicapai melalui VPN UTM **mulai 18 April 2022 sehingga 23 April 2022.**
- 1.2.4 ID pengguna dan kata laluan ACID UTM diperlukan semasa daftar masuk untuk permohonan melalui sistem hostel.
- 1.2.5 Keputusan permohonan penginapan masing-masing boleh diketahui serta merta selepas pelajar melengkapkan proses permohonan kolej kediaman.
- 1.2.6 Jika pelajar telah memohon kolej kediaman melalui sistem hostel dan nama pelajar ada di dalam sistem tersebut, permohonan itu dianggap **berjaya.**
- 1.2.7 Pelajar dinasihatkan memilih bilik dan kolej kediaman yang sesuai dan mengikut keperluan pengajian serta keselesaan masing-masing. Walau bagaimanapun, ianya tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman sedia ada.
- 1.2.8 Permohonan melalui rakan adalah tidak dibenarkan.
- 1.2.9 Kolej yang boleh dipohon adalah seperti berikut:

BIL	NAMA KOLEJ	JANTINA	JENIS BILIK
1	Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	Lelaki	Seorang
2	Kolej Tun Fatimah (KTF)	Perempuan	Seorang atau Berdua
3	Kolej Rahman Putra (KRP)	Lelaki dan Perempuan	
4	Kolej Tun Razak (KTR)		
5	Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)		
6	Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)		
7	Kolej Tuanku Canselor (KTC)		
8	Kolej Perdana (KP)		
9	Kolej 9 dan 10 (K9&10)		
10	Kolej Datin Seri Endon (KDSE)		

### 1.3 PROSES PERMOHONAN KOLEJ KEDIAMAN BAGI PELAJAR PASCASISWAZAH DAN PELAJAR ANTARABANGSA

- 1.3.1 Pemohon merupakan pelajar Universiti Teknologi Malaysia dan masih berstatus aktif.
- 1.3.2 Pelajar masih belum mendaftar di mana-mana kolej kediaman.
- 1.3.3 Pelajar membuat permohonan melalui emel kepada kolej kediaman yang dikhususkan.
- 1.3.4 Kolej kediaman yang boleh dipohon adalah seperti berikut:

Bil	NAMA KOLEJ	EMEL	JANTINA	JENIS BILIK
1	Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	Lelaki	Seorang dengan bilik air
2	Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI)	ktidi@utm.my		
3	Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	Perempuan	Seorang dengan bilik air
4	Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	kttho@utm.my		

- 1.3.5 Adalah dimaklumkan bahawa kelulusan permohonan kolej kediaman bagi pelajar antarabangsa dan pascasiswazah adalah tertakluk kepada kekosongan di kolej kediaman.
- 1.3.6 Pelajar boleh memohon KLG Campus Residence sebagai alternatif penginapan sekiranya permohonan tidak diluluskan. Berikut adalah maklumat berkaitan KLG Campus Residence:

**KLG Campus Residence**  
Jalan Rotan, Taman Sri Pulau,  
81110 Johor Bahru  
Tel : 012-7913988  
<https://www.klgresidence.com/>

### 1.4 PENDAFTARAN MASUK KE KOLEJ KEDIAMAN DAN PENGAMBILAN KUNCI

- 1.4.1 Dokumen yang diperlukan semasa pendaftaran masuk adalah seperti berikut:
- a) Menunjukkan bukti keputusan ujian RTK-Antigen sendiri dalam tempoh 24 jam sebelum memasuki kampus (bertarikh).
  - b) Bukti kelulusan dari sistem hostel (pelajar prasiswazah tempatan) atau kelulusan melalui emel (pelajar pascasiswazah)

& antarabangsa) dari Pejabat Kolej Kediaman bahawa telah mendapat tawaran di kolej kediaman yang dipohon.

- 1.4.2 Penentuan bilik dan blok penyewaan akan ditetapkan oleh pihak pengurusan kolej kediaman.
- 1.4.3 Pelajar perlu mengisi borang inventori bilik dan menyerahkan kembali kepada pihak kolej kediaman mengikut tempoh yang ditetapkan. Kegagalan menyerahkan kembali borang tersebut dianggap bahawa kelengkapan di bilik tersebut adalah baik dan lengkap. Segala kerosakan di bilik selepas tamat tempoh penyerahan borang adalah tanggungjawab pelajar.

## **1.5 CAJ YURAN PENGINAPAN KOLEJ KEDIAMAN SEPANJANG SEMESTER 2 SESI 2021/2022**

- 1.5.1 Pelajar yang mendaftar keluar setelah mengosongkan bilik dan memulangkan kunci **sebelum atau pada 7 Mei 2022** akan dikenakan caj mengikut bilangan hari menginap.
- 1.5.2 Namun, pelajar yang mendaftar keluar setelah mengosongkan bilik dan memulangkan kunci **bermula 8 Mei 2022** akan dikenakan caj bermula dari tarikh pengambilan kunci sehingga tamat Semester 2 Sesi 2021/2022. Tiada pemulangan yuran kolej kediaman kerana mendaftar keluar sebelum semester tamat.
- 1.5.3 Kadar sewaan sehari mengikut jenis bilik adalah seperti di **Lampiran I**.

## **1.6 PERTUKARAN BILIK DAN PERTUKARAN KOLEJ KEDIAMAN**

- 1.6.1 Pelajar dibenarkan membuat pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman **bermula 8 Mei 2022 sehingga 22 Mei 2022 sahaja**.
- 1.6.2 Sebarang pertukaran bilik atau pertukaran kolej kediaman selepas tempoh yang dibenarkan akan dikenakan yuran perkhidmatan seperti berikut:

<b>Tarikh Pertukaran Bilik / Kolej Kediaman</b>	<b>Yuran Perkhidmatan</b>	<b>Caj Penginapan Kolej Kediaman</b>
8 Mei 2022 – 22 Mei 2022	Tiada yuran perkhidmatan dikenakan	Mengikut kadar jenis bilik
23 Mei 2022 – 30 Julai 2022	Pertukaran Bilik = RM25.00 Pertukaran Kolej = RM50.00	Berdasarkan kepada caj sewaan tertinggi

## 1.7 PENEMPATAN KHUSUS UNTUK PELAJAR KATEGORI KES-KES KHAS

1.7.1 Sepertimana dalam Panduan Pergerakan Pelajar (Edisi Ke-4), pelajar dari kategori kes-kes khas iaitu; (a) pelajar yang masih belum lengkap vaksin dan tidak divaksin (atas faktor kesihatan), (b) penerima vaksin jenis *Sinovac* yang masih belum menerima dos penggalak dan (c) pelajar yang menolak vaksin akan ditempatkan di penempatan khas iaitu di Kolej Datin Seri Endon.

1.7.2 Pelajar kategori kes-kes khas hanya dibenarkan membuat permohonan di Kolej Datin Seri Endon sahaja.

## 1.8 LATIHAN INDUSTRI / LATIHAN MENGAJAR

1.8.1 Pelajar yang menjalani latihan industri atau latihan mengajar pada Semester 2 Sesi 2021/2022 dibenarkan menginap di dalam kampus.

1.8.2 Kolej Kediaman bagi pelajar yang menjalani Latihan Industri / Latihan Mengajar adalah seperti berikut:

BIL	JENIS PELAJAR	TEMPATAN	ANTARABANGSA
1.	Latihan Mengajar di luar kampus	Menginap di Kolej Datin Seri Endon	
2.	Latihan Industri di luar kampus		
3.	Latihan Industri di dalam kampus	Menginap di kolej kediaman berdekatan dengan penempatan latihan industri	Menginap di kolej kediaman seperti dinyatakan pada perkara 1.3.4

## 2.0 PERMOHONAN MASUK KE KAMPUS BAGI TUJUAN MENGAMBIL BARANG DI STOR MENGOSONGKAN BILIK DAN MENDAFTAR KELUAR

2.1.1 Pelajar berstatus tidak aktif perlu membuat permohonan melalui emel ke [asrama@utm.my](mailto:asrama@utm.my).

2.1.2 Pelajar yang diluluskan akan diberi tarikh dan waktu perlu hadir serta perlu membuat pengesahan kepada pihak kolej kediaman masing-masing (sila rujuk **Lampiran II**).

2.1.3 Pelajar perlu mematuhi masa dan tarikh kelulusan yang diberikan bagi menjamin keselamatan semua pelajar yang berada di dalam kampus.

2.1.4 Pelajar dilarang berada di lokasi lain, berjumpa, melawat atau pergi ke bilik-bilik pelajar lain yang menginap di kolej.

- 2.1.5 Setelah selesai pengambilan barang di bilik, pelajar perlu mengisi “Borang Daftar Keluar dan Perakuan Mengosongkan Bilik” dan memulangkan kunci di pejabat kolej kediaman.
- 2.1.6 Bagi pelajar yang mengambil barang di stor perlu terus keluar dari kampus setelah selesai urusan tersebut.

### **3.0 PERMOHONAN KEDIAMAN DI PERUMAHAN PELAJAR BERKELUARGA UTM (PPBU)**

- 3.1 Permohonan menduduki PPBU perlu mengisi borang yang boleh didapati di laman web <https://www.utm.my/hospitality/perumahan-pelajar-berkeluarga-universiti/>. Maklumat lanjut sila rujuk **Lampiran III**.

### **4.0 HAL HAL LAIN**

- 4.1 Pelajar-pelajar yang menginap di dalam kampus adalah diwajibkan untuk mematuhi segala prosedur keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti.
- 4.2 Pihak Universiti berhak mengeluarkan barang-barang milik pelajar yang tinggal di kolej kediaman tanpa kebenaran. Selain caj sewa dan denda, tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pelajar yang gagal untuk mengosongkan bilik mereka apabila diarahkan berbuat demikian oleh wakil Universiti.
- 4.3 Segala jenis kenderaan yang ditinggalkan hendaklah diletakkan di tempat letak kenderaan yang disediakan. Kenderaan tidak dibenarkan sama sekali disimpan di dalam blok dan bilik pelajar.
- 4.4 Pelajar yang mendiami asrama tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah-kaedah UTM (Tatatertib Pelajar) 1999 dan segala peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Universiti.


Diharap semua pelajar mengambil maklum proses permohonan kolej dan pendaftaran masuk untuk sesi akademik Bahagian 2, Semester 2 Sesi 2021/2022 seperti yang telah ditetapkan dan memanfaatkan kemudahan penginapan sedia ada di dalam kampus.

Sekian, terima kasih.

**“Wawasan Kemakmuran Bersama 2030”**

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Saya yang menjalankan amanah,



**PROF. DR. MAIMUNAH BINTI SAPRI**

Pengerusi

Bahagian Pengurusan Perniagaan (BMD)

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

UTM Johor Bahru

- s.k
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
  - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - Pengarah Keselamatan

## KADAR SEWA KOLEJ KEDIAMAN SEMESTER 2 SESI 2020/2021

Kolej	Jenis Bilik	Kadar Sewa/Hari	
		Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Kolej Rahman Putra	*Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Fatimah	*Seorang (Executive)	RM 30.00	RM30.00
	*Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Razak	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Hussein Onn	*Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Tun Dr Ismail	*Seorang (Executive)	RM 40.00	RM40.00
	*Seorang dengan bilik air	RM 8.00	RM20.00
	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	*Berdua (Executive)	RM 25.00	RM25.00
	Berdua (Blok MA)	RM 5.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	
Kolej Tuanku Canselor	Seorang	RM 6.00	RM15.00
	Berdua	RM 4.00	RM12.00
Kolej Perdana	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej 9 & 10	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej Datin Seri Endon	Seorang	RM 6.00	RM12.00
	Berdua	RM 4.00	RM10.00
Kolej Dato Onn Jaafar	Seorang	RM 6.00	RM12.00

**Nota :** Tanda (\*) adalah merupakan bilik yang dikhususkan untuk pelajar pascasiswazah dan pelajar Antarabangsa sahaja dan perlu dipohon melalui emel.



## MAKLUMAT KOLEJ KEDIAMAN UNTUK DIHUBUNGI

<b>BIL.</b>	<b>KOLEJ</b>	<b>EMEL</b>	<b>NO. TELEFON</b>
1.	Kolej Rahman Putra (KRP)	krp@utm.my	07-5537242
2.	Kolej Tun Fatimah (KTF)	ktf@utm.my	07-5537255
3.	Kolej Tun Razak (KTR)	ktr@utm.my	07-5530542
4.	Kolej Tun Hussein Onn (KTHO)	ktho@utm.my	07-5532151
5.	Kolej Tun Dr Ismail (KTDI)	ktdi@utm.my	07-5531951
6.	Kolej Tuanku Canselor (KTC)	ktc@utm.my	07-5535658
7.	Kolej Perdana (KP)	pejabatkolejperdana@utm.my	07-5536609
8.	Kolej 9&10 (K9&10)	kolej910@utm.my	07-5535015
9.	Kolej Datin Seri Endon (KDSE)	kdse@utm.my	07-5537702
10.	Kolej Dato Onn Jaafar (KDOJ)	kdoj@utm.my	07-5537708
11.	Perumahan Pelajar Berkeluarga UTM (PPBU)	ufhkolejperdana@utm.my	07-5536614

**JENIS KEDIAMAN DI PERUMAHAN PELAJAR BERKELUARGA UTM (PPBU)**

Jenis Rumah	Pelajar Tempatan/ Bulan	Pelajar Antarabangsa/ Bulan
Apartement 2 Bilik	RM450.00	RM480.00
Apartement 3	RM520.00	RM550.00

- Nota :**
1. Permohonan menduduki PPBU perlu mengisi borang yang boleh didapati di laman web <https://www.utm.my/hospitality/perumahan-pelajar-berkeluarga-universiti/>.
  2. Hanya boleh dipohon oleh pelajar yang telah berkahwin dan akan menetap bersama keluarga sahaja.